

Hai semua, selamat tengah hari, soalan ini adalah berkaitan tentang basikal roda satu.

Pernahkah anda menggunakan basikal roda satu?

Walaupun pada permulaannya agak susah, tetapi jika sudah pandai menunggangnya, kita boleh mencuba pelbagai gaya untuk menggunakannya.

Baiklah, mari kita beralih kepada soalan.

Watak utama dalam soalan ini adalah Ayaka.

Ayaka sedang melaraskan ketinggian tempat duduk basikal roda satu miliknya.

Dikatakan ketinggian yang sesuai bagi basikal roda satu adalah bersamaan dengan ketinggian daripada lantai hingga ke pusat seseorang itu.

Ayaka sedang melaraskan ketinggian tempat duduk seperti di dalam gambar ini.

Soalannya adalah, berapakah ketinggian pusat Ayaka daripada lantai dalam unit cm?

Sekarang, mari kita fahamkan maklumat yang berada di dalam gambar ini.

Pertama, ketinggian pusat Ayaka daripada lantai,

Kedua, bahagian bertanda (a) adalah ketinggian tempat duduk daripada tayar.

Kemudian, radius tayar basikal adalah 25cm.

Seperti yang dapat dilihat, kedudukan maklumat yang diberikan adalah berbeza,

Jadi, sekiranya maklumat tersebut dikumpulkan di satu tempat yang sama, ianya menjadi lebih mudah untuk difahami.

Pertama, gerakkan panjang bahagian (a).

Kemudian, jika kita mengetahui bahagian selebihnya, kita pasti boleh menjawab soalan ini.

Jadi bagaimanakah cara untuk mengetahui panjang bahagian tersebut?

Maka, apakah ketinggian bahagian ini?

Jika digerakkan ke tepi, kita akan dapat lihat ia adalah ketinggian tayar basikal.

Seterusnya, bagaimana kita dapat mengetahui ketinggian tayar basikal tersebut?

Terdapat petunjuk yang dapat digunakan untuk mengira ketinggian tayar tersebut.

Ia adalah radius tayar yang berukuran 25cm.

Diameter adalah garis lurus dari tepi ke tepi sesuatu bulatan melalui pusat bulatan itu.

Diameter adalah 2 kali ganda radius.

Sekiranya Panjang diameter adalah dua kali ganda radius, maka $25 \times 2 = 50$

Diameter tayar adalah sepanjang 50 cm.

Mari kita gerakkan diameter bulatan ini.

Sekarang, anda sudah faham bagaimana cara untuk mencari ketinggian daripada lantai.

Panjang bahagian (a) adalah sebanyak 20 cm, dan diameter tayar adalah 50 cm.

Maka, jumlah ketinggian pusat daripada lantai adalah sebanyak 70 cm.

Dengan menggunakan petunjuk yang diberikan dalam soalan, kita dapat menyelesaikan pelbagai soalan matematik dengan mudah!